

SONGSANG BAWA SENGSAARA

Penuntut IPT tak sangka ketuat di bahagian sulit petanda awal dijangkiti HIV selepas terjebak hubungan sesama jenis sejak tingkatan empat

Oleh Sudirman Mohd Tahir
sudirman@hmetro.com.my

lagi berpunca daripada penyalahgunaan dadah dan perkongsian jarum suntikan, sebaliknya melalui hubungan seks bebas dan sesama jenis (homoseksual).

Seorang penuntut di institusi pengajian tinggi di Selangor yang hanya ingin dikenali sebagai Harris (bukan nama sebenar), 23, berkata, dia disahkan menghidap HIV pada Januari 2020 iaitu ketika berumur 20 tahun.

Menurutnya, dia mula mela-

kukan aktiviti seks sesama jenis ketika berada di tingkatan empat.

“Ketika di sekolah menengah, saya terbabit dengan hubungan terlarang ini malah tidak memiliki pendedahan berkaitan isu ini.

“Sejak terjerumus dalam aktiviti songsang ini, saya tidak terkejut apabila disahkan menghidap HIV.

“Ketika saya disahkan positif, doktor hen-

“Akhirnya, mak dan ayah juga dimaklumkan berkaitan perkara ini. Walaupun mereka sedih namun alhamdulillah, mereka tetap layan saya seperti biasa malah akan menemani saya sepanjang rawatan”

dak tahu dari mana sumbernya dan saya senarai pendek tiga individu.

“Dua daripadanya datang buat pemeriksaan dan mereka negatif. Seorang lagi gagal dihubungi,” katanya kepada Harian Metro.

Berkongsi lanjut, awal daripada penyakit itu dikesan selepas dia mengalami masalah kulit dan terdapat ketumbuhan ketuat di bahagian sulit pada 2019.

“Ketika mula disahkan positif, saya sudah menghidap Aids. Saya ambil ubat serta pada masa sama, dapatkan rawatan.

“Ketika ini, tahap kesihatan saya bertambah baik malah Aids juga disahkan su-

dah tiada, namun HIV masih wujud,” katanya.

Menurutnya, penyakit dihidapi itu diketahui oleh keluarga selepas laporan kesihatan dibaca oleh abang sulungnya.

“Selama ini, keluarga hanya tahu saya ada janji temu rawatan kulit. Tetapi, untuk HIV juga. Saya memang rahsiakan perkara itu. Apabila abang tahu, dia maklumkan akan bantu dan adik-beradik lain juga dimaklumkan perkara sama.

“Akhirnya, mak dan ayah juga dimaklumkan berkaitan perkara ini. Walaupun mereka sedih namun alhamdulillah, mereka tetap layan saya seperti biasa malah akan menemani saya sepanjang rawatan,” katanya yang juga anak kelima daripada enam beradik.

Kuala Lumpur

Jangkitan HIV/Aids dalam kalangan belia atau golongan muda berumur 20 hingga 29 tahun menunjukkan peningkatan 74 peratus.

Lebih merisaukan apabila jangkitan itu tidak

